

**NO SOALAN :43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
(PARIT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2018**

**Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [ PARIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif-inisiatif Blue Ocean Strategy (NBOS) yang telah dilaksanakan di seluruh negara dan impaknya kepada rakyat di negara ini.

**JAWAPAN**

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) adalah merupakan satu strategi pengurusan yang kreatif dan inovatif diadaptasi dari Strategi Lautan Biru (BOS). NBOS mula dilaksanakan dalam perkhidmatan Kerajaan pada tahun 2009 bertujuan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan dengan amalan prinsip berimpak tinggi, kos rendah, pelaksanaan pantas dan mampan.

95

Semenjak dilancarkan sehingga sekarang terdapat lebih daripada 80 Jabatan/Agensi Kerajaan melaksanakan 117 inisiatif NBOS secara kolaboratif.

Hasil kerjasama dalam kalangan Jabatan/Agensi Kerajaan berjaya memecahkan benteng *silos* birokrasi yang sebelum ini memberi kesan kepada kelancaran program-program Kerajaan. Malah melalui kolaborasi kreatif inisiatif NBOS pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan akan lebih mengetahui fungsi masing-masing dengan lebih mendalam dan dengan itu dapat mengelakkan pertindihan fungsi-fungsi agensi.

Antara program-program berimpak tinggi NBOS adalah:

- a. Contoh terbaik NBOS adalah Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang merupakan pusat sehenti (*One Stop Center*) bagi pelbagai perkhidmatan Kerajaan, NGO dan swasta. Inisiatif UTC sangat unik memandangkan ia beroperasi menjangkau waktu operasi biasa (8 pagi - 10 malam) setiap hari termasuk hujung minggu. Pada masa ini, terdapat 21 UTC di seluruh negara dengan penjaminan pembangunan sebanyak RM2billion, kerana UTC dilaksanakan dengan mengubahsuai bangunan sedia ada serta tempoh pelaksanaan yang pantas secara purata selama 10 minggu. Sambutan dan permintaan rakyat terhadap

perkhidmatan UTC amatlah menggalakkan, di mana sejak tahun 2013, UTC telah memberi perkhidmatan kepada lebih daripada 58 juta orang pengunjung.

a. Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre-RTC) memberi peluang baru kepada masyarakat luar bandar terutamanya petani dan usahawan kecil. RTC merupakan platform untuk pemasaran produk pertanian sekali gus membantu meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. Seramai lebih daripada 2,100 usahawan kecil luar bandar yang telah mendapat manfaat daripada RTC.

a. Pusat Pemulihan Pemasarakatan (Community Rehabilitation Centre - CRP) mengaplikasikan pendekatan pencegahan jenayah dengan memulihkan penjenayah ringan dengan latihan serta aktiviti-aktiviti produktif di premis tentera. Kadar penjenyah kes berulang adalah amat rendah iaitu sebanyak 0.04% dan bilangan peserta yang terlibat sehingga kini adalah seramai lebih kurang 8,000 orang.